

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN DAERAH
JEMPOL TAHUN 2019**

**PADA : 12 JULAI 2019 (JUMAAT)
MASA : 08.30 PAGI
TEMPAT : PEJABAT DAERAH & TANAH JEMPOL**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

Terima Kasih pengerusi majlis,

YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

YBhg. Tuan Mas Midyawan Yahya
Pegawai Daerah Jempol

**Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Daerah
Jempol**

**Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang
dihormati sekalian,**

1. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya dapat kita semua bertemu di **Dewan Besar Pejabat Daerah dan Tanah Jempol** pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini bersempena **Perhimpunan Pentadbiran Daerah Jempol Tahun 2019**. Ini merupakan perhimpunan bulanan pentadbiran daerah yang kelima dilaksanakan selepas saya menjelajah Daerah Kuala Pilah, Seremban, Tampin dan Jelebu.
2. Syabas diucapkan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Pegawai Daerah Jempol serta pihak jawatankuasa yang

menjadi tulang belakang dan wira tidak didendang dalam menjayakan perhimpunan bulanan ini. Selain menyantuni penjawat awam, perhimpunan sebegini juga merupakan landasan untuk saya berkongsi maklumat mengenai perkembangan pembangunan mahupun perancangan di Negeri Sembilan untuk tuan-tuan sampaikan ke peringkat akar umbi.

3. Bukan itu sahaja, saya percaya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini juga menunjukkan Kerajaan Negeri terus menerima maklum balas yang positif daripada penjawat awam terutamanya di salah satu Luak Tanah

Mengandung ini setelah lebih setahun saya menerajui negeri ini.

4. Saya masih ingat pada **29 Januari 2019** yang lalu, ketika **Majlis Pengisytiharan Penuh, Majlis Perbandaran Jempol (MPJL)** oleh **Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan**, begitu ramai warga Jempol yang hadir pada malam tersebut. Dengan pengisytiharan tersebut, MPJL telah menjadi Majlis Perbandaran keempat di negeri ini selepas Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson. Alhamdulillah dan tahniah warga Jempol.

5. Apa yang penting perlu diingat, apabila Jempol telah menjadi sebuah bandar, cabaran penjawat awam yang bertugas di sini turut bertambah. Kerajaan Negeri Sembilan mengakui bahawa isu rebakan bandar (***urban sprawl***) di negeri ini memerlukan strategi berkaitan seperti yang terkandung di dalam **Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)**. Justeru, apa yang saya tekankan kepada semua penjawat awam selama ini, sentiasa berusaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam terutamanya kepada pemegang taruh atau ***stakeholder*** kita.

6. Saya percaya gandingan kita bersama, akan menghasilkan sesuatu yang lebih positif demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai termasuk pihak swasta seperti pemaju dan peniaga akan melahirkan budaya tadbir urus yang baik dan mapan dalam membantu mencapai kemakmuran negeri ini.

Peribahasa menyatakan:

kuat berdiri pohon kerana akarnya,

kuat akar kerana tanah.

Kata seorang dibulati,

kata bersama diperiakan.

7. Sesungguhnya, saya percaya perkhidmatan kerajaan telah disediakan hari ini lebih meluas secara digital seperti permohonan bantuan perniagaan, pendidikan, kerjaya, pelancongan dan kebudayaan, perumahan, kewangan dan bayaran cukai, bantuan kebajikan, keluarga dan masyarakat serta kesihatan. Usaha memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan secara digital ini perlu diperluaskan terutamanya apabila telah diisytihar sebagai bandar baru.

8. Seperti yang disarankan oleh **YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail** baru-baru ini, para penjawat awam

di negara ini supaya melihat cabaran dan gangguan baharu bukan sebagai satu ancaman tetapi sebagai peluang yang perlu direbut untuk terus bertambah baik dan berinovasi dalam perkhidmatan awam.

9. Saya sendiri juga ingin menyarankan kepada tuan-tuan dan puan-puan agar meningkatkan ilmu pengetahuan selaras dengan perkembangan teknologi baharu yang ada pada hari ini, khususnya **Revolusi Industri Keempat dan Ekonomi Digital**. Jangan hanya teknologi generasi kelima atau lebih dikenali sebagai teknologi 5G hanya meniti bibir tetapi kita masih tersandar di punggung lapuk.

**Tersemat cempaka memagar rendangan,
Merbah meruntun jambangan kurnia;
Semangat membara mengejar saingan,
Gagah membangun di persada dunia.**

10. Selain itu, ingin saya mengingatkan kemudahan infrastruktur yang dibina untuk rakyat perlu diselenggara dengan baik pada setiap masa. Didiklah masyarakat di sini untuk sama-sama mengamalkan budaya mengekalkan keindahan agar kos penyelenggaraan infrastruktur dapat diminimumkan. Jangan apabila Jempol menjadi bandar, infrastuktur berada di kelas

pertama tetapi minda masyarakat berada di kelas ketiga.

Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang dikasihi sekalian,

11. Kerajaan hari ini sentiasa mendengar keluhan dan rintihan rakyat. Seperti yang saya umumkan tahun lalu dalam **Belanjawan Negeri 2019**, kerajaan bersetuju membina **Bangunan Mahkamah Syariah Daerah Jempol** yang baharu bagi membolehkan kes-kes perbicaraan syariah dijalankan di Jempol. Ini akan memberikan kemudahan bukan sahaja kepada penduduk Jempol, malah penduduk di daerah berdekatan seperti Jelebu dan Gemas

akan turut mendapat manfaat sekaligus mengurangkan kos pengangkutan kepada orang ramai.

12. Untuk makluman juga, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan pembangunan dan perancangan kesihatan di daerah ini khas untuk masyarakat di sini. Di **Hospital Jempol** sudah terdapat perkhidmatan **Pakar Bedah Am** yang akan melakukan kes-kes pembedahan dengan menggunakan kaedah bius setempat di **Dewan Bedah Hospital Jempol bermula April 2019**. Perluasan kepakaran seperti ini akan memberikan taraf kesihatan yang lebih baik kepada penduduk setempat.

13. Saya difahamkan juga, pihak **Hospital Jempol** dalam perancangan untuk menambah pelbagai lagi jenis kepakaran selaras di bawah konsep **Hospital Kluster** pada masa akan datang seperti :

a) Klinik Pakar Dada (*Chest Clinic*)

**b) Klinik Pakar Penyakit Berjangkit
(*Infectious Disease Clinic*)**

**c) Klinik Pakar Sendi (*Rheumatology
Clinic*)**

14. Bagi keselesaan doktor dan pesakit di Bilik Rawatan dan Kecemasan, **Klinik Kesihatan Palong 4,5,6**, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan 2 buah

penghawa dingin telah selesai dijalankan. Moga-moga usaha sebegini dapat memastikan perkhidmatan kesihatan di daerah ini dapat diberikan dengan baik bukan sahaja kepada rakyat, malah kepada penjawat awam yang sentiasa komited menjalankan tugas.

15. Kerajaan juga telah memfokuskan kawasan Negeri Sembilan Timur iaitu Jelevu, Kuala Pilah dan Jempol sebagai lembah pertanian negeri. Program pembangunan pertanian seperti tanaman nenas dan buah-buahan akan dimajukan khususnya di kawasan tanah-tanah terbiar yang dianggarkan seluas **162 hektar** daripada keseluruhan **9,706 hektar**

tanah terbiar di Negeri Sembilan. Untuk tujuan tersebut, sejumlah **RM15.95 juta** atau **3.64 %** daripada keseluruhan peruntukan pembangunan telah disediakan melalui belanjawan negeri.

16. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukan sebanyak **RM3.22 juta** kepada **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** bagi memastikan Pengeluaran Ternakan dapat ditingkatkan melalui perolehan dan pembiakan baka, pembangunan dan penyelenggaraan ladang ternakan. Saya juga amat gembira apabila difahamkan Jempol mempunyai

Ladang Boden iaitu ladang kambing yang mengaplikasi teknologi agrikultur tanpa kehadiran seekor lalat pun.

Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang dirahmati Allah sekalian,

17. Di daerah Jempol ini terkenal dengan tanah rancangan Felda. Kalau boleh saya sebutkan di sini Felda Palong, Felda Seriting Hilir, Felda Raja Alias, Felda Lui Barat, Felda Lui Selatan, Felda Lui Muda, Felda Lui Timur, Felda Sungai Lui, Felda Pasoh dan juga Felda Bukit Rokan. Ketika **Sambutan Hari Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan 2019, Felda**

Selancar 3 telah dinobatkan sebagai juara **Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF) 2018**.

18. Justeru, saya menyeru untuk penjawat awam di sini membantu mana-mana kawasan Felda di sini untuk memenangi **Anugerah Keceriaan Kampung Felda** pada masa akan datang. Saya difahamkan 10 komponen utama yang dinilai antaranya rumah peneroka, kualiti komuniti, jalan utama, pengurusan ladang, projek ekonomi, aktiviti badan peneroka dan generasi baharu, susun atur dan keceriaan kawasan perniagaan serta pelancongan.

19. Apa yang menarik minat saya adalah modus operandi dan modul operasi perancangan aktiviti badan peneroka dan generasi baharu Felda. Jangan biarkan generasi baharu ini ibarat laksana layang-layang salah teraju. Perancangan yang baik boleh mengelakkan mereka terjerumus kes penyalahgunaan dadah di Daerah Jempol ini.

20. Statistik yang dinyatakan oleh **Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan** menunjukkan jumlah **Orang Kena Pengawasan (OKP)** di kawasan Felda di Daerah Jempol ini sehingga **Jun 2019** adalah

seramai **154 orang**. Walaupun kawasan Felda ada menunjukkan penurunan kes, saya menyeru agar usaha-usaha berikut dimantapkan dengan lebih baik lagi.

21. Pertama, inisiatif berfokus dan program kerjasama bersama komuniti dan agensi yang berkaitan dengan dadah. Syabas dan tahniah kepada penguatkuasa Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Jempol (MPJL), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan AADK sendiri bagi tindakan penguatkuasaan bersepadu pada **9 Julai 2019** yang lalu.

22. Kedua, agensi yang terlibat perlu bekerjasama dan bergandingan dengan pemimpin komuniti bagi penyaluran aduan secara berterusan. Tindakan penguatkuasaan tersebut melibatkan pencerobohan tanah kosong kerajaan di dalam **Felda Sungai Lui** yang membabitkan penanaman daun ketum amat wajar saya berikan pujian.

23. Ketiga, **Bengkel Training of Trainers (TOT)** mengenai pencegahan dadah perlu diperluas kepada **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** supaya mereka lebih tegas tentang isu penyalahgunaan dadah ini.

24. Keempat, usaha memberi kesedaran dan gambaran sebenar mengenai impak buruk pengambilan dadah perlu sentiasa disampaikan berterusan terutamanya dalam bentuk visual dan moden kepada masyarakat setempat.

25. Saya memandang serius isu penyalahgunaan dadah ini kerana kita sedang membina acuan yang jelas untuk masa hadapan tetapi kita sukar untuk meramalkan tindak-tanduk generasi muda kita hari ini. Sehubungan itu, sama-samalah kita

membangkitkan mereka daripada lena panjang dengan mengkhabarkan cabaran yang sedang menanti mereka.

26. Jempol ini dahulunya terkenal dengan aktiviti sukan permotoran seperti **Sprint Test**, **Motorcross** dan **Rally**. Dengan adanya **Kejuaraan Petronas AAM Malaysia Cuprix** di sini, saya difahamkan aktiviti ini akan menjadi daya tarikan baru terutamanya kepada anak muda di Daerah Jempol. Secara tidak langsung mereka tidak akan terjerumus kepada perkara yang kurang berfaedah seperti penyalahgunaan dadah mahupun lumba haram.

Hadirin yang budiman,

27. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan selamat menunaikan ibadah haji kepada mereka yang mendapat panggilan Baitullah pada tahun ini. Tahniah kepada semua bakal haji yang terpilih untuk jadi tetamu Allah. Semoga memperoleh haji yang mabrur dan selamat pulang ke tanah air.

28. Akhir kalam, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih dengan penganjuran perhimpunan pada hari ini. Semoga pertemuan sebegini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang untuk

mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Kerajaan Negeri bersama penjawat awam di Daerah Jempol ini.

29. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.